

**MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA  
SESI KE-43**

**“KESULTANAN MELAYU”**

**Tajuk:**

**ADAT PENGGANTIAN DALAM KESULTANAN  
MELAYU:  
PENERUSAN DAN PERUBAHAN**

**Oleh:**

**YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria**

**8 Ogos 2019 (Khamis)**

**Anjuran:**

**ARKIB NEGARA MALAYSIA**

# ADAT PENGGANTIAN DALAM KESULTANAN MELAYU: PENERUSAN DAN PERUBAHAN

Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali  
Universiti Malaya

## Abstrak

Adat penggantian dalam institusi raja Melayu wujud bersama institusi tersebut. Institusi raja Kedah diasaskan kira-kira 1300 tahun atau 13 abad yang lalu. Institusi raja Melaka diasaskan pada 1262. Kedua-duanya berubah sebagai kesultanan; Kedah apabila rajanta Maharaja Derbar Raja memeluk agama Islam, bergelar Sultan Muzaffar Shah pada 1136, dan Melaka pula apabila Raja Kechil Besar memeluk agama Islam, bergelar Sultan Muhammad Shah pada 1280-an. Ikatan politik dan sosial menjadi elemen penting dalam adat penggantian. Pemahaman dan penghormatan terhadap ikatan politik dan sosial penggantian mengutamakan putera sulung Sultan sebagai waris pertama atau kerabat raja berterusan sehingga adat ini terganggu kerana kelonggaran aturan penggantian, campur tangan Siam dan British. Perubahan dalam peraturan penggantian berubah lagi ketika pentadbiran tentera Jepun dan British, serta setelah negeri beraja mempunyai undang-undang tubuh yang di dalamnya terdapat perkara khusus tentang penggantian. Bermula dari kesultanan Kedah, perbincangan mengenai penerusan dan perubahan adat penggantian diberi perhatian. Sementara itu dalam perbincangan pula naskhah Melayu, rekod rasmi British, Persekutuan dan Negeri; serta sumber sekunder dirujuk. Adat penggantian ini mengalami penerusan dan perubahan sejak kesultanan Melaka sehingga zahirnya undang-undang mengawal dan menentukan penggantian dalam kesultanan Melayu.

Kata kunci: Institusi Raja Melayu, Adat Penggantian, Penerusan dan Perubahan

\* Penulis memperolehi PhD dalam bidang sejarah dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur; dianugerahkan DMSM, PCM, ASM, DGM adalah Profesor Emeritus (Universiti Malaya) dan Felo Persatuan Sejarah Malaysia.

## Pendahuluan

Dalam institusi kesultanan Melayu, penggantian menjadi salah satu aspek penting. Penggantian pula melibatkan penggantian sultan, raja atau yang di-pertuan besar dan jawatan waris atau bakal sultan, raja dan yang di-pertuan besar. Dalam perbincangan ini tumpuan hanya kepada adat penggantian sultan, raja dan yang di-pertuan besar. Dalam usaha menjelaskan penggantian ini, dua aspek diberi perhatian. Penggantian sebelum dan selepas undang-undang berkaitan dengannya dizahirkan. Adat penggantian dalam kesultanan Melayu sebelum masing-masing mempunyai undang-undang tubuh, bergantung kepada amalan berasaskan ikatan politik dan sosial, serta hasil mesyuarat kerabat raja dan orang besar. Namun begitu dalam pelaksanaan sekali-sekala berlaku campur tangan dari kuasa tempatan, jiran dan asing. Sementara itu berlaku juga campur tangan kuasa asing seperti Siam, British dan Jepun. Kuasa tempatan, Johor, Terengganu dan Perak; kuasa jiran pula, Aceh dan Minangkabau. Seterusnya kuasa Siam, British, Jepun; dan sekali lagi British mulai 1945. Walaupun begitu institusi raja berlanjutan membawa sama pada diri seorang raja bertakhta daulat Melayu. Penggantian dalam kesultanan Melayu berterusan, di samping mengalami perubahan besar mengikut peraturan dan undang-undang apabila masing-masing negeri beraja memiliki undang-undang berkaitan dengannya. Kini sistem penggantian teratur dan terarah mengikut peruntukan yang ditetapkan dalam undang-undang tubuh masing-masing negeri. Penggantian Yang di-Pertuan Agong ditentukan oleh Perjanjian Persekutuan 1948, dan kemudiannya setelah Tanah Melayu merdeka, mengikut Perlembagaan Persekutuan yang pertama kali diisytiharkan pada 1957, dan berlanjutan hingga hari ini. Sebelum membincangkan adat penggantian, penerusan dan perubahan adalah lebih baik, sebagai latar dibincangkan asal-usul Malaysia mempunyai Sembilan Raja Melayu. Seterusnya membincangkan penggantian sebelum dizahirkan undang-undang; penggantian mengikut undang-undang; akhirnya menyentuh penglibatan kuasa tempatan, kuasa jiran dan kuasa asing dalam penggantian Raja Melayu.

## Sejarah Ringkas Asal Usul Sembilan Raja Melayu

Oleh kerana Malaysia mempunyai Sembilan raja Melayu adalah amat wajar sekali diriwayatkan tentang bagaimana perkara ini boleh berlaku. Jelas dalam sejarah institusi raja, bermula di Kedah pada 630; di Melaka pula pada 1262. Persoalannya di sini apakah tidak ada institusi raja di negeri Melayu lain? Sehingga hari ini masih kabur. Namun begitu catatan rekod China, sama ada perseorangan atau dinasti ada menyebut kewujudan pemerintah di Semenanjung Melayu. Dengan lain perkataan institusi raja yang banyak rekod ialah Melaka. Antara sumber terpenting memperihalkan dengan baik mengenai Kesultanan Melaka ialah naskhah Melayu, *Sulalatus Salatin* (lebih dikenali dalam kalangan khalayak dengan nama *Sejarah Melayu*).

Oleh yang demikian, perbincangan tentangan kemunculan sembilan raja Melayu akan jelas bermula dari Melaka. Namun langsung tidak berniat untuk meminggir institusi raja Kedah yang lebih awal berbanding Melaka. Satu hal yang tidak boleh dinafikan, Kesultanan Melaka, berbanding Kesultanan Kedah meninggalkan pusaka kepada institusi raja di Malaysia.

Ketika Raja Iskandar Shah, bekas Raja Singapura mengasaskan kerajaan Melaka pada 1262, kerajaan Kedah sudah pun ada. Dengan itu pada waktu sama terdapat dua raja, Kedah dan Melaka. Ketika Sultan Mansur bertakhta di Melaka, putera baginda Raja Muhammad, bakal Sultan Melaka menikam Tun Besar, anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Raja Muhammad dihukum; dilucut sebagai waris Sultan Melaka, dan dihantar ke Pahang. Tidak lama kemudian, Raja Muhammad dengan titah Sultan Mansur diangkat sebagai Sultan Melaka. Dengan terdapat tiga raja di negeri Melayu, Kedah, Melaka dan Pahang.

Dalam perkembangan sejarah institusi raja seterusnya, datang angkatan Portugis pimpinan Alfonso de Albuquerque menyerang dan menakluki Melaka pada 1511. Kegagalan mempertahankan Melaka menyebabkan Sultan Melaka waktu itu, Sultan Ahmad (putera Sultan Mahmud) bersama ayahanda baginda, bekas Sultan Melaka, Sultan Mahmud berundur, dan akhirnya mendirikan pusat baru kerajaan Melaka di Kota Kara dan Kota Kopak, Bintan (kini dikenali sebagai Pulau Riau, dan milik Indonesia). Ketika di Bintan, Sultan Ahmad mangkat, dan Orang Besar Melaka mengangkat kembali Sultan Mahmud. Pusat pentadbiran Melaka di Kota Kara dan Kota Kopak diserang Portugis pada 1526. Sultan Mahmud gagal mengatasi

serangan Portugis, Kota Kara dan Kota Kopak dimusnahkan, berundur ke Kampar. Baginda mangkat di Kampar pada 1528, dikenali dengan panggilan Marhum Kampar.

Raja Ali, putera Sultan Mahmud dan Tun Fatimah dinobatkan sebagai pengganti. Baginda tidak memerintah Melaka di Kampar, sebaliknya kembali ke tanah Melayu, mendirikan kerajaan baru dikenali sebagai Kerajaan Johor. Raja Ali bersemayam di Kota Tinggi, dan memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah. Sementara itu saudara tua baginda, berlainan ibu, Onang Kening, puteri Raja Mansue Kelantan, Raja Muzaffar dibawa Tun Shaban ke Perak, dan ditabalkan sebagai Sultan Perak di Tanah Abang pada 1528, bergelar Sultan Muzaffar Shah. Kini tidak ada lagi Sultan Melaka, kedua-dua putera Sultan Mahmud Melaka mendirikan kerajaan Johor dan Perak. Oleh itu kini terdapat empat raja: Kedah, Pahang, Johor dan Perak.

Sementara Raja Kedah, Johor dan Perak bertakhta, berlaku perubahan dalam kerajaan Pahang. Selepas kemangkatan Sultan Abdul Gapur dan putera baginda menduduki takhta kerajaan, Sultan Alauddin Riayat Johor melantik putera baginda, Raja Bujang sebagai Sultan Pahang. Pada waktu ini Aceh sebuah kerajaan kuat di Selat Melaka, di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1609-1636) menyerang Johor di bawah pemerintahan Sultan Abdullah Muayad Shah, pengganti Sultan Alauddin Riayat Shah pada 1623. Sultan Abdullah Muayad Shah mangkat di Pulau Tembelan pada 1623, dikenali sebagai Marhum Tembelan. Dengan persetujuan Aceh, Raja Bujang, Raja Pahang dilantik sebagai pengganti menduduki takhta kerajaan Johor. Raja Bujang menduduki takhta kerajaan Johor pada 1623, memakai gelaran Sultan Abdul Jalil Shah III (1623-1677).

Pelantikan Raja Bujang sebagai Sultan Johor bermakna di Pahang sudah tidak ada raja lagi. Raja Bujang atau Sultan Abdul Jalil Shah III adalah sultan bagi negeri Pahang. Sehubungan itu raja Melayu kini tiga sahaja: Kedah, Johor dan Perak. Kemudiannya berlaku peristiwa penting dalam sejarah institusi raja Melayu, khususnya di Johor. Pada 1699, Sultan Mahmud dibunuh oleh Laksamana Bintan atau Megat Seri Rama, dan baginda dikenali sebagai Marhum Mangkat dijulang. Seterusnya Bendahara Tun Abdul Jalil menduduki takhta kerajaan Johor, bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (1699-1718). Kemudiannya pada 1718, Raja

Kechil, putera Marhum Mangkat dijulang menyerang dan menduduki takhta kerajaan Johor, bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (1718-1722). Dalam perkembangan berikutnya, Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV dibunuh di Kuala Pahang pada 1721 oleh Laksamana Nakhoda Sekam yang dititahkan oleh Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah. Keadaan politik istana Johor bertambah kacau. Kini Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV dibantu Opu Bugis Lima Bersaudara, Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi mendapatkan takhta kerajaan Johor daripada Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah. Pada 1722, Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah dikalahkan berundur ke Siak, mendirikan kerajaan di Kampung Buntan. Kemudiannya dinobatkan sebagai Sultan Siak.

Akibat sengketa takhta Johor itu kekuasaan kerajaan terhadap negeri naungan bertambah merosot. Kemerosotan kuasa Johor ini memberi ruang dan peluang kemunculan kerajaan baru di tanah Melayu. Negeri di bawah naungan Johor, dan mendirikan kerajaan masing-masing. Dengan itu lahirlah kerajaan Terengganu 1708, Kerajaan Selangor, 1760; kerajaan Kelantan, **1773, dan Negeri Sembilan, 1777.** Kemunculan empat kerajaan baru ini menjadikan kini enam raja Melayu: Kedah, Perak, Johor, Terengganu, Selangor, Kelantan dan Negeri Sembilan. Kemudiannya pada 1842, Perlis dipisahkan dari Kedah. Seterusnya pada 1882, Bendahara Wan Ahmad diangkat oleh Orang Besar sebagai Sultan Pahang, dan diiktiraf sebagai Sultan Pahang pada 1884. Dengan ini lengkap sembilan raja Melayu: Kedah, Johor, Perak, Terengganu, Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan, Perlis dan Pahang.

### **Penggantian Sebelum Undang-undang Tubuh Negeri Dizahirkan**

Mengikut adat penggantian kesultanan Melayu, putera sulung dipilih dan diisytihar sebagai waris pertama atau bakal sultan atau raja atau yang di-pertuan besar. Dalam sejarah awal kesultanan bakal raja ini bergelar Raja Muda. Namun begitu dalam penerusan itu berlaku perubahan kepada gelar bakal sultan tersebut. Tergantung kepada negeri, Raja Muda bagi Perlis, Kedah, Perak, Selangor; Tengku Mahkota bagi Kelantan, Pahang dan Johor; Yang di-Pertuan Muda, Terengganu; dan Tunku Besar Seri Menanti, Negeri Sembilan. Namun begitu sama ada bakal sultan itu layak atau sebaliknya sebagai sultan akan ditentukan oleh sebuah badan.

Sebelum undang-undang tubuh dizahirkan, badan pemilih dan pelantik ini tidak jelas; tetapi mereka dinyatakan sebagai kerabat raja dan orang besar.

Adat penggantian lahir bersama institusi raja. Apabila Maharaja Derbar Raja, pengasas Institusi Raja Kedah pada 630 mangkat, putera baginda, Maharaja Diraja Putera disepakati menteri dilantik sebagai pengganti. Seterusnya menteri berkaitan ini melantik putera Raja yang mangkat sebagai Raja Kedah. Upacara ini berterusan, Maha Derbar, putera tua Raja Kedah Seri Paduka Maha Dewa dilantik sebagai pengganti, bergelar Seri Paduka Maharaja Derbar. Kemudiannya memeluk agama Islam pada 1136, memakai gelaran Sultan Muzaffar Shah (1136-1179).<sup>1</sup> Baginda adalah Raja Kedah ke-9 keturunan Maharaja Derbar Raja dari Parsi, dan Raja Kedah pertama memeluk Islam memakai gelaran Sultan. Seterusnya putera Sultan dilantik memerintah Kedah sehingga Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I (1706-1710), menggantikan ayahanda baginda Sultan Abdullah Muazzam Shah II (1608-1706). Berlaku perubahan dalam aturan penggantian, saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I, Tunku Muhammad Jiwa dilantik sebagai Sultan Kedah bergelar Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah (1710-1778). Takhta kerajaan tidak digantikan putera sultan kerana sultan tidak ada zuriat. Selepas baginda pengganti Sultan Kedah disandang putera Sultan sehingga Sultan Abdul Halim Shah Muazzam Shah menduduki takhta pada 1958.

Adat penggantian mengutamakan putera sulong ini diamalkan juga dalam institusi kerajaan Melaka. Raja Iskandar, pengasas kerajaan Melaka pada 1262 mangkat pada 1281. Putera baginda menduduki takhta kerajaan Melaka, bergelar Sultan Mahkota. Seterusnya putera sultan menduduki takhta kerajaan sehingga Sultan Melaka terakhir mangkat di Kampar pada 1528. Penggantian sultan ini boleh disokong Orang Besar. Selain itu terdapat juga wasiat Sultan Mansur menyebut Sultan Alauddin Riayat Shah, dan Sultan Alauddin Riayat pula menyebut Sultan Mahmud sebagai pengganti. Kedua-dua wasiat ini mendapat sokongan Orang Besar.<sup>2</sup>

Namun begitu dalam penggantian kesultanan Melayu Melaka berlaku perubahan selepas pemerintahan Sultan Ibrahim (1339-1340). Sultan Ibrahim menduduki takhta kerajaan menggantikan ayahanda baginda, Sultan Muhammad Shah (1283-1339) yang mangkat. Ketika pemerintahan Sultan Ibrahim, timbul pakatan dalam kalangan Orang Besar untuk mengambil alih teraju pemerintahan

Melaka untuk diserahkan kepada Raja Kasim, saudara Sultan Ibrahim. Dalam pakatan tersebut Sultan Ibrahim mangkat, dikenali sebagai juga sebagai Sultan Abu Shahid. Seterusnya Raja Kasim dinobatkan sebagai Sultan Melaka, bergelar Sultan Muzaffar Shah (1340-1378). Baginda digantikan Sultan Mansur (1378-1449). Dalam sejarah kesultanan Melaka, pengganti Sultan Mansur bukan putera sulong baginda. Raja Muhammad, putera sulong dihantar oleh Sultan Mansur ke Pahang kernana menikam Tun Besar anak Bendahara Tun Perak. Namun begitu Sultan Alauddin Riayat Shah adalah putera Sultan Mansur.<sup>3</sup>

Ketika pemerintahan Sultan Mahmud menduduki takhta kerajaan Raja Muzaffar, putera baginda dengan Onang Kening puteri Sultan Mansur Kelantan dilucutkan sebagai bakal sultan. Raja Ali, putera Sultan Mahmud dengan Tun Fatimah diangkat sebagai pengganti. Kemudiannya dilantik sebagai pengganti setelah Sultan Mahmud mangkat di Kampar pada 1528. Namun begitu Raja Ali tidak meneruskan kerajaan Melaka yang berpusat di Kampar, sebaliknya mengasaskan kerajaan Johor pada 1528, memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah.

Dalam pada Raja Muhammad putera Sultan Mansur yang dihantar ke Pahang itu diangkat sebagai Sultan Pahang, memakai gelaran Sultan Muhammad. Baginda adalah pengasas keturunan raja Melaka di Pahang. Institusi kesultanan Pahang keturunan Melaka ini tidak terikat putera sulong sultan sebagai pengganti. Sultan Muhammad digantikan kekanda baginda Raja Ahmad, memakai gelaran Sultan Ahmad. Sultan Ahmad turun takhta, anak saudara baginda, Raja Abdul Jamil, putera Sultan Muhammad menduduki takhta kerajaan Pahang. Baginda memakai gelaran Sultan Abdul Jamil Shah. Satu hal yang menarik dalam kesultanan Pahang ini, ketika pemerintahan Sultan Ahmad, baginda melantik putera baginda Raja Mansur sebagai pengganti, memakai gelaran Sultan Mansur. Pahang diperintah oleh dua sultan. Kemudiannya pemerintahan Pahang diteruskan Sultan Mansur selepas Sultan Abdul Jamil Shah mangkat. Aturan pengganti putera sultan tidak penentu dalam adat penggantian Sultan Pahang. Selepas Sultan Mansur mangkat, Pengganti Sultan Pahang, Sultan Mahmud adalah putera Sultan Muhammad (pengasas kesultanan Pahang keturunan Melaka).<sup>4</sup> Kemudiannya, Sultan Muzaffar, putera Sultan Mahmud; Sultan Zainal Abidin, adinda Sultan Mahmud. Seterusnya pengganti Sultan Zainal Abidin, Sultan Mansur II, putera baginda. Pengganti



seterusnya, Sultan Abdul Jamal Shah dan Sultan Abdul Kadir, kedua-duanya saudara Sultan Mansur II ibni Sultan Zainal Abidin. Kemudian adat penggantian putera diteruskan oleh Sultan Ahmad menggantikan ayahanda baginda Sultan Abdul Kadir yang mangkat. Sultan Ahmad turun dari takhta, digantikan pula oleh kekanda baginda Sultan Abdul Ghafur. Setelah baginda mangkat, dicatatkan takhta kerajaan diduduki putera baginda. Takhta kerajaan Pahang diduduki Raja Bujang, putera Sultan Alauddin Riayat Shah Johor (1597-1615) pada 1615.<sup>5</sup>

Jika kesultanan Pahang diasaskan oleh Sultan Muhammad ibni Sultan Mansur Melaka pada kira-kira 1469,<sup>6</sup> kesultanan Johor pula diasaskan Raja Ali, putera Sultan Mahmud Melaka dengan Tun Fatimah, anak Bendahara Tun Mutahir pada 1528, dan memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah. Dalam penggantian kesultanan Johor seperti juga Pahang tidak tetap putera sultan sahaja, tetapi berubah kepada kerabat raja. Namun begitu dalam kesultanan Johor, di samping penerusan penggantian berlaku perubahan penting. Pada 1699, Bendahara Tun Abdul Jalil diangkat sebagai Sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah, dan pada 1885, Maharaja Abu Bakar (Temenggung Seri Maharaja Johor) memakai gelaran sultan, sebagai Sultan Johor. Gelaran Sultan ini diwarisi oleh keturunan baginda.

Sultan Alauddin Riayat Shah digantikan putera baginda Sultan Muzaffar. Namun begitu Sultan Muzaffar pula mewasiatkan anak saudara baginda, Raja Abdul Jalil, putera saudara baginda Raja Fatimah dengan Raja Omar sebagai pengganti. Dengan Raja Abdul Jalil diangkat sebagai Sultan Johor oleh Bendahara serta Orang Besar menggantikan Sultan Muzaffar mangkat, bergelar Sultan Abdul Jalil Shah I. Setelah Sultan Abdul Jalil Shah mangkat ada usaha mengangkat Raja Abdullah, putera Sultan Muzaffar sebagai pengganti. Usaha ini diatasi oleh Raja Fatimah, bonda Sultan Abdul Jalil Shah I. Raja Fatimah menuntut suaminya, Raja Omar, ayahanda Sultan Abdul Jalil Shah I sebagai Sultan Johor. Tuntutan Raja Fatimah Berjaya, Orang Besar Johor mengangkat Raja Omar sebagai Sultan Johor, bergelar Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II. Jika sebelumnya anak, kini bapa pula sebagai sultan.

Apabila Sultan Ali Jalla Abdul Jalil mangkat pada 1597, sekali lagi usaha Bendahara (Tun Seri Lanang) dan Orang Besar Johor mengangkat Raja Abdullah sebagai Sultan Johor. Raja Abdullah melepaskan jawatan sultan itu kepada

kekandanya saudara seibu, Raja Mansur. Dengan itu Raja Mansur, putera Sultan Ali Jalla Abdul Jalil dilantik sebagai Sultan Johor, bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah. Baginda mangkat di Aceh pada 1615. Seterusnya Raja Abdullah diangkat sebagai Sultan Johor bergelar Sultan Abdullah Mughayat Shah (1615-1623). Perlantikan ini membuktikan kelonggaran dalam adat penggantian. Apabila Sultan Abdullah Mughayat Shah mangkat di Pulau Tembelan, Raja Bujang pemerintah Pahang diangkat sebagai Sultan Johor, bergelar Sultan Abdul Jalil Shah III (1623-1677). Dengan pelantikan Raja Bujang sebagai Sultan Johor ini menandakan berakhirnya pemerintahan beraja di Pahang.<sup>7</sup> Pelantikan ini dicatatkan sebagai bersyarat. Apabila baginda mangkat takhta kerajaan Johor akan diwarisi Raja Muda Bajau, putera Sultan Abdullah Mughayat Shah. Ketika pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah III, Raja Muda Bajau mangkat di Pahang. Oleh sebab itu apabila Sultan Abdul Jalil Shah III mangkat, takhta kerajaan Johor digantikan oleh Raja Ibrahim putera Raja Muda Bajau. Ketika menduduki takhta kerajaan Raja Ibrahim memakai gelaran Sultan Ibrahim Shah (1677-1685). Sultan Ibrahim digantikan putera baginda bergelar Sultan Mahmud Shah (1685-1699). Baginda mangkat dibunuh Laksamana Bintan Megat Seri Lama pada 1699, terkenal dengan panggilan Sultan Mahmud mangkat dijulang. Kemangkatan Sultan Mahmud menandakan titik penting dalam sejarah penggantian dan kesultanan Melayu. Pertama kali dalam sejarah kesultanan Melayu, Bendahara menduduki takhta kerajaan. Bendahara Tun Abdul Jalil menduduki takhta kerajaan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (1699-1718), sekaligus sebagai pengasas dinasti bendahara. Keturunan baginda berterusan memerintah Johor; Sultan Sulaiman (1722-1760), Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah (1760—1761), Sultan Ahmad Shah (1761), Sultan Mahmud Shah (1761-1812), Sultan Abdul Rahman (1812-1819) bersemayam di Lingga, Sultan Husin Shah (1819-1835), Sultan Ali Iskandar Shah (1835-1877)<sup>8</sup> dan Sultagn Alauddin Al-Mutammasik Bi-llah Al-Mannan Alauddin Alam Shah. Namun begitu Sultan Alauddin tidak diiktirafkan Maharaja Abu Bakar yang disokong British. Selepas 1877, Maharaja Abu Bakar mentadbir Johor. Sultan Alauddin berusaha berkuasa, pecah Perang Jementah; Maharaja Abu Bakar dapat mengatasinya. Pada 1885, Maharaja Abu Bakar memakai gelaran Sultan Johor.<sup>9</sup>

Perbincangan penggantian kesultanan Melayu lebih menarik dan istimewa dalam adat penggantian kesultanan Perak. Di samping penggantian sultan berterusan, putera dan kerabat raja dipilih, berlaku perubahan kepada sistem pusingan dalam penggantian, dan berterusan hingga hari ini. Kesultanan Perak hari ini diasaskan oleh Raja Muzaffar putera Sultan Mahmud Melaka dengan Onang Kening, puteri Sultan Mansur Kelaerntan. Baginda dibawa oleh Tun Shaban ke Perak, dan ditabalkan di Tanah Abang, bergelar Sultan Muzaffar Shah pada 1528. Sultan Muzaffar Shah digantikan putera baginda, Sultan Mansur (1549-1577). Sultan Mansur pula digantikan adinda baginda, Sultan Ahmad Tajuddin (1577-1587). Apabila Sultan Ahmad Tajuddin mangkat takhta kerajaan Perak diduduki adinda baginda, Sultan Tajul Ariffin (1587-1594). Penggantian berubah, tidak putera atau saudara sultan selepas kemangkatan Sultan Tajul Ariffin. Kali ini Orang Besar melantik Raja Ali putera Raja Inu (Raja Kechil Lasa), cucunda Sultan Ahmad Tajuddin sebagai Sultan Perak bergelar Sultan Alauddin Shah (1594-1603). Penggantian berubah lagi selepas pemerintahan Sultan Alauddin. Raja Tua putera saudara perempuan Sultan Tajul Ariffin diangkat sebagai sultan, bergelar Sultan Mukaddam Shah (1603-1619). Kemudiannya Sultan Mansur menduduki takhta, dan seterusnya digantikan Raja Yusof, saudara Sultan Mukaddam Shah bergelar Sultan Mahmud Shah. Seterusnya takhta kerajaan Perak diduduki Raja Kobat, putera Sultan Mahmud, bergelar Sultan Sallehuddin.<sup>10</sup>

Ketika ini pengaruh Aceh kuat dalam pentadbiran Perak. Selepas Sultan Sallehuddin, pada 1636, Sultan Iskandar Thani (Raja Mughal) Aceh melantik saudara sepupu baginda Raja Sulong sebagai Sultan Perak bergelar Sultan Muzaffar Shah II (1636-1653). Raja Sulong adalah putera Raja Mahmud dengan Tun Kechil, anak Bendahara Seri Maharaja Johor Tun Isap Misai. Raja Mahmud pula ialah putera Raja Puteh ibn Sultan Mansur Pahang dengan Sultan Kasab Siak, putera Khoja Ahmad Siak. Dengan ini bermakna Raja Sulong adalah kerabat raja Pahang keturunan Melaka dan kerabat Siak. Sultan Iskandar Thani pula ialah anak Puteri Bongsu, saudara Raja Mahmud, melalui perkahwinan dengan Sultan Ahmad Pahang. Sultan Iskandar Thani dan ayahanda ditawan ke Aceh. Baginda berkahwin dengan Tajul Alam Safiatuddin, puteri Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.

Mengikut *A History of Perak*, Sultan Muzaffar Shah II (Raja Sulong) berkahwin puteri, hasil perkahwinan puteri dengan Marhum Muda Pahang. Puteri, isteri Marhum Muda Pahang pula ialah puteri Sultan Mansur Shah I Perak, berkahwin dengan Raja Aceh.<sup>11</sup> Huraian Winstedt dan Wilkinson ini memberi pencerahan hubungan Raja Sulong dengan kerabat raja Perak.<sup>12</sup> Keturunan Sultan Muzaffar Shah II meneruskan pemerintahan kerajaan Perak. Dalam kesultanan Perak tidak terlepas daripada perselisihan takhta. Setelah Sultan Mahmud Iskandar Shah putera Sultan Muzaffar Shah II mangkat, takhta digantikan anak saudara baginda, putera Raja Mansur, Sultan Alauddin Mughayat Shah (1720-1728); dan seterusnya saudara baginda Sultan Muzaffar Shah III (1728-1744). Ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Shah III, saudara baginda bersaing takhta dan digelar Sultan Muhammad Shah. Perselisihan berakhir apabila berlaku perkahwinan Raja Budak Rasul ibni Sultan Muzaffar Shah III dengan Raja Iskandar Zulkarnai ibni Sultan Muhammad. Seterusnya, selepas Sultan Muzaffar Shah III mangkat, takhta digantikan Raja Muda Iskandar, bergelar Sultan Iskandar Zulkarnain.

Sultan Iskandar Zulkarnain mengemaskan aturan waris dan petadbiran negeri Perak. Susunan waris: 1. Raja Muda 2. Raja Bendahara 3. Raja di-Hilir 4. Raja di-Hulu 5. Raja di-Baruh 6. Raja Kechil Besar 7. Raja Kechil Tengah 8. Raja Kechil Muda 9. Raja Kechil Bongsu.<sup>13</sup> Susunan Raja Bergelar dikemaskan lagi, pada 1953, pada 1948, 1. Raja Kechil Sulong 2. Raja Kechil Tengah 3. Raja Kechil Muda 4 Raja Kechil Bongsu. Pada 1953, 1. Raja Kechil Besar 2. Raja Kechil Sulong 3. Raja Kechil Tengah 4. Raja Kechil Bongsu<sup>14</sup> Selain jawatan Raja Bendahara dimansuhkan, digantikan Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja.

Terengganu juga memiliki adat penggantian, dan keutamaan kepada putera sultan. Namun begitu berlaku penggantian sultan oleh saudara sultan yang mangkat. Sultan Zainal Abidin I, pengasas kesultanan Terengganu pada 1708, digantikan putera baginda, dan bukan putera sulong Sultan Mansur I. dicatatkan saudara sulong tidak berhajat dilantik sebagai sultan. Sultan Mansur I digantikan putera baginda Sultan Zainal Abidin II. Seterusnya selepas kemangkatan Sultan Zainal Abidin II, takhta kerajaan Terengganu diduduki putera baginda Sultan Ahmad I (1808-1830). Setelah Sultan Ahmad mangkat Orang Besar tidak mengangkat putera baginda sebagai sultan. Mereka melantik saudara baginda Tengku Abdul Rahman. Sultan Abdul Rahman memerintah sekejap sahaja, mangkat pada 1831. Kali ini

Orang Besar mengangkat putera sulong Sultan Ahmad I, bernama Tengku Daud sebagai Sultan Terengganu. Tidak lama memerintah, lebih kurang sebulan, Sultan Daud mangkat. Kemangkatan baginda mencetus perselisihan penggantian. Ada Orang Besar berhasrat melantik Tengku Omar, adinda Sultan Daud; sekumpulan Orang Besar lagi ingin melantik Tengku Mansur, putera Sultan Zainal Abidin II sebagai sultan. Perang meletus antara dua pihak, Tengku Omar berundur, akhirnya tinggal Pulau Daik (atau Pulau Lingga).

Tengku Mansur memerintah, memakai gelaran Sultan Mansur II. Sultan Mansur II digantikan putera baginda Sultan Muhammad. Ketika pemerintahan Sultan Muhammad, Tengku Omar bersama angkatan menyerang dan mengambil alih takhta kerajaan Terengganu. Tengku Omar dikenali sebagai Baginda Omar ketika bertakhta. Oleh kerana mangkat tanpa putera, Baginda Omar digantikan oleh Sultan Ahmad Shah II, anak saudara baginda, putera Tengku Mahmud. Pada 1881, Sultan Ahmad II mangkat, takhta kerajaan Terengganu digantikan oleh putera baginda Tengku Zainal Abidin, memakai gelaran Sultan Zainal Abidin III (1881-1918). Baginda menzahirkan Undang-undang Bagi Kerajaan Terengganu pada 1911. Dengan adat penggantian ditentukan oleh undang-undang.

Sultan Zainal Abidin III digantikan oleh putera baginda, Tengku Muhammad, bergelar Sultan Muhammad (1918-1920), meletak jawatan pada 1920; Tengku Muda Sulaiman, bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920-1942). Sultan Sulaiman mangkat pada 1942, putera sulong baginda dengan Tengku Ampuan Mariam diangkat sebagai pengganti. Kemudiannya dicatat tidak berkelayakan, takhta kerajaan digantikan Sultan Ismail Nasiruddin Shah. Seterusnya takhta diwaris putera baginda, Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Apabila Sultan Mahmud mangkat takhta digantikan putera baginda, Sultan Mizan Zainal Abidin pada 1998.<sup>15</sup>

Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis juga mempunyai adat penggantian, sebelum kedua-dua negeri menzahirkan Undang-undang Tubuh negeri masing-masing. Pada 1721, Raja Omar pemerintah kerajaan Kelantan berpusat di Jembal mangkat. Putera baginda tidak mewarisi takhta, sebaliknya menantu baginda, Long Bahar atau Tuan Besar yang berkahwin dengan Raja Pah, puteri baginda diangkat sebagai Raja. Baginda digantikan Long Sulaiman, putera baginda dengan isteri di Patani. Long Sulaiman pula tidak digantikan oleh Long Yunus -putera baginda.

Takhta kerajaan diduduki Long Muhammad dan kemudiannya Long pada, saudara sepupu Long Sulaiman. Penggantian longgar ini membawa kepada langkah Long Yunus ibni Long Sulaiman memohon bantuan Sultan Mansur I Terengganu. Selain itu Long Yunus juga mendapat bantuan Long Ghaffar (Long Jaafar) anak Raja Reman. Long Yunus menduduki takhta kerajaan Kelantan pada 1776<sup>16</sup> hasil bantuan Sultan Mansur I dan Long Ghaffar. Kelonggaran aturan penggantian juga menyebabkan Tengku Muhammad ibni Sultan Mansur I Terengganu, suami Inchik Ku Tuan Nawi, puteri Long Yunus dilantik sebagai pengganti Long Yunus. Putera Long Yunus, antaranya Long Muhammad, Long Jenal, Long Tan dan Long Ismail membuat pakatan mengambil takhta kerajaan. Setelah berjaya, Long Muhammad diangkat sebagai Raja Kelantan, bergelar Sultan Muhammad I. Sultan Muhammad I tidak berputera, dengan itu Majlis Mesyuarat dan Muafakat, setelah Engku Kota menolak pencalonan melantik Raja Bendahara Long Jenal (Long Zainal atau juga Raja Banggol) sebagai Raja Kelantan.<sup>17</sup> Pelantikan ini dibantah Long Senik Mulut Merah, anak Long Tan Temenggung Aria Pahlawan. Perang meletus antara kedua pihak, kemenangan berpihak kepada Long Senik Mulut Merah. Seterusnya menduduki takhta kerajaan Kelantan bergelar Sultan Muhammad II.<sup>18</sup>

Apabila Sultan Muhammad II mangkat pada 1886, Long Sulong putera baginda dilantik sebagai sultan bergelar Sultan Ahmad. Soal penggantian timbul selepas Sultan Ahmad mangkat pada 1890. Sultan Ahmad sendiri mempunyai tiga anak bersaing: Long Kunder, Long Mansur dan Long Muhammad. Selain itu terdapat seorang calon lagi Long Jaafar atau Tuan Ghaffar, bergelar Tengku atau Tuan Putera. Namun begitu persaingan ini berakhir dengan Raja Bendahara Long Kunder diangkat sebagai Raja Kelantan, bergelar Sultan Muhammad III<sup>19</sup> Setelah setahun memerintah, Sultan Muhammad III mangkat pada 11 Mei 1891. Sekali lagi kelonggaran adat penggantian beberapa calon tampil merubut takhta. Mereka ialah Raja Muda Long Mansur, adinda Sultan Muhammad III, Long Mahmud, juga adinda Sultan Muhammad III, Long Senik, putera Sultan Muhammad III, Tengku atau Tuan Putera Abdul Ghaffar, ayahanda saudara Sultan Muhammad III, dan Tuan Chik Penambang, putera Tuan Bongsu Raja Muda Penambang.<sup>20</sup> Persaingan ini berakhir dengan Raja Muda Long Mansur diangkat sebagai sultan, bergelar Sultan Mansur. Sultan Mansur mangkat tanpa zuriat. Anak saudara baginda Long Senik ibni Sultan Muhammad III dilantik sebagai Sultan Kelantan bergelar, Sultan Muhammad IV

(1900-1920). Sultan Muhammad IV digantikan oleh putera baginda Sultan Ismail (1920-1944). Seterusnya takhta diduduki Sultan Ibrahim (1944-1960), saudara Sultan Ismail. Sultan Ibrahim digantikan putera baginda Sultan Yahya Petra (1960-1979), dan Sultan Yahya pula digantikan oleh putera baginda, Sultan Ismail Petra (1979-2009). Oleh alasan tertentu, putera sulung Sultan Ismail Petra menduduki takhta kerajaan, dan memakai gelaran Sultan Muhammad V.

Kerajaan Negeri Sembilan selalunya dikaitkan dengan Raja Malewar (Raja Mahmud). Pembesar Negeri Sembilan bimbang kehadiran dan kekuasaan Bugis di Linggi mengambil langkah setelah mencapai keputusan dalam kalangan mereka menjemput seorang anak raja dari Minangkabau untuk menjadi Yang Dipertuan mereka. Mereka menghadap Raja Minangkabau, Sultan Muning Syah III. Baginda bersetuju menghantar Raja Malewar ke Negeri Sembilan. Sebelum Raja Malewar dihantar, Raja Khatib dihantar bagi merintis kedatangan Raja Malewar nanti. Apa yang berlaku, Raja Khatib sebaik sahaja tiba di Negeri Sembilan mengakui dia adalah putera raja yang dihantar itu. Apabila Raja Malewar tiba, pertempuran berlaku dengan Raja Khatib. Raja Khatib dikalahkan. Seterusnya Raja Malewar ditabalkan di Penajis sebagai Yang Dipertuan Negeri Sembilan pada tahun 1773, bersemayam di Seri Menanti.

Raja Malewar ada putera, tetapi putera baginda tidak dilantik sebagai pengganti. Orang Besar Negeri Sembilan menjemput anak raja baru dari Minangkabau bernama Raja Hitam menduduki takhta kerajaan. Keadaan yang sama, Raja Hitam juga ada putera tetapi tidak dilantik menduduki takhta Negeri Sembilan. Orang Besar Negeri Sembilan menjemput Raja Lenggang dari Minangkabau memerintah Negeri Sembilan pada tahun 1808. Raja Lenggang ditabalkan di Penajis, dan seterbersemayam di Seri Menanti. Mulai Raja Lenggang, keturunan baginda meneruskan pemerintahan kerajaan Negeri Sembilan.

Selangor juga mempunyai adat penggantian, keutamaan kepada putera sulung. Namun begitu alasan tertentu adat ini tidak diikuti. Apabila Sultan Salehuddin, pengasas kesultanan Selangor mangkat, takhta kerajaan digantikan putera baginda Raja Ibrahim, memakai gelar Sultan Ibrahim. Sultan Ibrahim digantikan putera baginda Sultan Muhammad. Sultan Muhammad tidak digantikan putera baginda, tetapi anak saudara baginda, Raja Abdul Samad bin Raja Abdullah ibni Sultan Ibrahim. Raja Abdul Samad disokong oleh Orang Besar Selangor sebagai Sultan. Baginda pula

digantikan cucunda baginda, Raja Muda Suleiman bin Raja Muda Musa. Seterusnya Orang Besar memilih dan melantik Raja Muda Suleiman sebagai Sultan Selangor. Baginda memakai gelaran Sultan Ala'edin Suleiman Shah. Walaupun Sultan Ala'edin Suleiman Shah mempunyai putera sulung, dan kedua, tetapi putera seterusnya dilantik sebagai Raja Muda, dan seterusnya menduduki takhta kerajaan bergelar Sultan Hishamudin Alam Shah.<sup>21</sup>

Kerajaan Perlis diasaskan Syed Husin Jamalullail pada 1842. Sebagaimana institusi raja lain, kerajaan Perlis juga mempunyai adat penggantian sebelum Undang-undang Tubuh dizahirkan. Kelonggaran adat penggantian menyebabkan institusi Raja Perlis juga menghadapi krisis penggantian. Antaranya, Raja Syed Hamzah bertakhta ketika pemerintahan tentera Jepun, dicatatkan secara sukarela turun dari takhta kerajaan pada 1945, ketika pentadbiran Tentera British Malaya.

### **Penggantian dan Undang-undang Tubuh**

Berkuatkuasa Perjanjian Persekutuan 1948, masing-masing Raja Melayu dikehendakki menzahirkan undang-undang bertulis untuk menguruskan pentadbiran supaya selari dengan pentadbiran persekutuan. Raja Melayu berkenan mengurnia dan mengisytiharkan Undang-undang Tubuh negeri masing.

Kerajaan Melayu pertama menzahirkan Undang-undang Tubuh ialah Johor, pada 1895 dengan nama *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor*; dan diikuti Terengganu pada 1911, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu*. Seterusnya kerajaan Melayu lain menzahirkan Bahagian Pertama Undang-undang Tubuh selepas Perjanjian Persekutuan 1948. *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak*, 1 Februari 1948; *Undang-undang Tubuh Negeri Perlis*, 1 Februari 1948; *Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*, 1 Februari 1948; *Undang-undang Tubuh Negeri Kedah*, 1 Februari 1948; *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan*, 1 Februari 1948; *Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang*, 1 Februari 1948; *Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor*, 2 Mei 1950.

Masing-masing undang-undang ini mencatatkan dengan jelas penggantian Raja masing-masing. Namun begitu soal penggantian muncul di Terengganu pada 1945, ketika pentadbiran British Malaya (*British Military Administration*) yang mengambil alih pentadbiran tentera Jepun yang mengaku kalah pada tahun tersebut. Padahal Terengganu mempunyai Undang-undang Tubuh sejak 1911, dan



dikemaskini berkuatkuasa Perjanjian Persekutuan 1948. Dalam perkara ini, Sultan Ali yang menggantikan ayahanda baginda yang mangkat pada 24 September 1942, ketika pentadbiran tentera Jepun, diputuskan tidak berkeelayakan oleh Mesyuarat Negeri Terengganu. Sebagai ganti, Tengku Paduka Raja Ismail, ayahanda saudara baginda dipilih dan dilantik sebagai Sultan Terengganu, bergelar Sultan Ismail Nasiruddin Shah.<sup>22</sup>

Undang-undang Tubuh menyebut syarat yang wajib dimiliki oleh calon bakal sultan. Juga menyatakan tempoh pengisytiharan pengganti. Namun begitu Undang-undang Tubuh juga menyatakan kuasa pengikat dan pemutus bakal dan sultan ialah badan masing-masing negeri seperti tercatat dalam Undang-undang Tubuh.

### **Penglibatan Kuasa Tempatan**

Dalam sejarah penggantian berlaku penglibatan kuasa tempatan. Sultan Alauddin Riayat Shah II Johor melantik putera baginda Raja Bujang sebagai Raja Pahang. Yang Dpertuan Muda Johor Daeng Marewah dan saudaranya, menyokong Tunku Muhammad Jiwa, menurunkan Raja Nambag dari takhta kerajaan Kedah 1722. Sultan Mansur I Terengganu membantu Long Yunis menduduki takhta kerajaan Kelantan.

### **Penglibatan Kuasa Jiran**

Kerajaan Aceh ketika pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam merestui Raja Bujang sebagai Sultan Johor, bergelar Sultan Abdul Jalil Shah III pada 1623. Sementara itu Sultan Iskandar Thani, pengganti Sultan Iskandar Muda melantik Raja Sulong sebagai Sultan Perak bergelar Sultan Muzaffar Shah II.

Opu Bugis Lima Bersaudara Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi dari Sulawesi membantu Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV mengalahkan Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah Johor (Raja Kechil), dan mengisytiharkan sebagai Sultan Johor dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pada 1722.

Sementara itu, ketika Sultan Mansur I membantu Long Yunus mendapatkan takhta kerajaan Kelantan, juga ikut dalam bantuan itu angkatan Siak pimpinan Raja

Ismail, cucu Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (Raja Kechil). Sultan Minangkabau pula menghantar anak raja menduduk takhta Negeri Sembilan.

### **Penglibatan Kuasa Asing**

Siam, British dan Jepun terlibat dalam penggantian kesultanan Melayu. Kerajaan Siam misalnya terlibat dalam pelantikan Tunku Pangeran (putera sulung Sultan Abdullah) sebagai Sultan. Begitu juga pelantikan Long Mulut Merah (Sultan Muhammad II) sebagai Sultan Kelantan. Juga pelantikan Tunku Bisnu sebagai Raja Setul, Syed Husin Jamalullail sebagai Raja Perlis dan Tunku Anom sebagai Raja Kubang Pasu. Sementara British pula dalam pengiktirafan Sultan Ali Johor pada 1840. Memastikan tidak ada pengisytiharan pelantikan pengganti ketika upacara pemakamam Sultan Ali Johor pada 1877 di Umbai, Melaka. Seterusnya British terlibat mengiktirafkan Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak. Pada 1885, kerajaan baginda raja mengiktirafkan Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan Johor, dan gelaran Sultan boleh diwarisi keturunan baginda.

Ketika pentadbiran Tentera Jepun, Tengku Musaeddin, mantan Raja Muda Selangor diangkat sebagai Sultan Selangor, bergelar Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah. Sekaligus menurunkan Sultan Hishamuddin Alam Shah. Namun begitu apabila British berkuasa kembali, Pentadbiran Tentera British dengan perkenan kerajaan baginda raja tidak mengiktirafkan Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah, dan baginda dibuang ke Pulau Kokos. Sementara itu Sultan Ali Terengganu dan Raja Syed Hamzah juga tidak diiktirafkan.

### **Kesimpulan**

Adat penggantian wujud dalam kesultanan Melayu. Kelonggaran sifatnya menyebabkan penggantian mengikut suasana; putera sultan dan kerabat; berlaku tuntutan dan perselisihan serta campur tangan kuasa tempatan, jiran dan asing. Namun demikian Sultan atau Raja atau Yang di-Pertuan Besar tetap silih ganti bertakhta meneruskan daulat Raja Melayu. Kini segala hal bersabit penggantian dicatatkan dengan jelas dan nyata dalam masing-masing Undang-undang Tubuh Negeri.

---

## Nota Hujung

<sup>1</sup> Senarai Sultan Kedah dari Sultan Muzaffar Shah hingga ke Sultan Abdul Halim Muazzam Shah, sila lihat Muhammad Isa bin Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 1990, hlm. 153-154. Wan Shamsuddin bin Wan Mohd, Yusof, "Senario Institusi Kesultanan Kedah", *Kedah 100 Tahun, 1900-2000*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2002, hlm. 10-12. Abdullah Zakaria Ghazali dan Mardiana Nordin (editor), *KEDAH warisan dan sejarah*, Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, 2012, hlm. xxi-xxii. Senarai Sultan Kedah dari Sultan Muzaffar Shah hingga Sultan Abdul Hamid Halim Shah, sila lihat Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, "Hujung III" hlm. i-iii. Mengenai senarai Sultan Kedah juga boleh rujuk Mardiana Nordin, "*Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah: Sebuah Naskhah Pensejarahan Ekonomi dan Pentadbiran Negeri Kedah Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20*", Abdullah Zakaria Ghazali dan Mardiana Nordin (editor), *KEDAH warisan dan sejarah*, hlm. 120.

<sup>2</sup> Mengenai wasiat Sultan Mansur dan Sultan Alauddin Riayat Shah ini, boleh rujuk Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, "Sultan Alauddin Riayat Syah 1449-1481", Abdullah Zakaria Ghazali, Abdul Rahman Haji Ismail, Zulkanain Abdul Rahman (editor), *Melaka: Kesultanan Melayu Melaka 1262-1258 Penelitian Semula*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), 2018, hlm. 145-146; 156-157.

<sup>3</sup> Untuk maklumat lanjut pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah dan Sultan Alauddin Riayat Shah, sila rujuk Mohd Khalil bin Yaakob, *Kebijaksanaan Pemerintahan Sultan Melaka (1446-1488)*, Tesis Doktor Falsafah Sejarah, Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka, 2017.

<sup>4</sup> Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, hlm. 43.

<sup>5</sup> Perkara penggantian Sultan Pahang ini, sila rujuk Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 32-58; 61.

<sup>6</sup> Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 34.

<sup>7</sup> Kesultanan Pahang lahir semula apabila Bendahara Wan Ahmad dinagkat dan dilantik Orang Besar Pahang sebagai Sultan Pahang bergelar Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah pada 1884.

<sup>8</sup> Maklumat lanjut sultan memerintah Johor boleh rujuk Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hlm. 27-189.

<sup>9</sup> Boleh rujuk Abdullah Zakaria Ghazali, *Politik dan Istana Johor (1835-1885)*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1997.

<sup>10</sup> Mengenai Sultan Perak ini sila rujuk M.A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Perak*, Kuantan: Penerbit Garuda Merah Press, 2016, hlm. 11-15.

---

<sup>11</sup> R.O.Winstedt and R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, M.B.R.A.S. Reprint No. 3, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1974, hlm. 132.

<sup>12</sup> Lihat juga rajah salsilah, M.A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Perak*, hlm. 24.

<sup>13</sup> M.A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Perak*, hlm. 24.

<sup>14</sup> Ibid., hlm. 157.

<sup>15</sup> Maklumat kesultanan Terengganu boleh dirujuk, Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974. Abdullah Zakaria Ghazali, "Politik dan Pemerintahan: Tiga Abad Kesultanan Terengganu", Abdul Rahman Embong (editor), *Terengganu Merentasi Tiga Abad: Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama dan Budaya*, Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2012, hlm. 75-101. Abdul Rahman Embong (editor), *Terengganu Merentasi Tiga Abad: Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama dan Budaya*, Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2012. Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang (Misbaha), Dato' Setia Jasa, *Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, edisi baru, cetakan ketiga, Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, 1992. Abdullah Zakaria b. Ghazali, *TERENGGANU: Tokoh, Perjuangan dan Pentadbiran*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1996, hlm. 115-167.

<sup>16</sup> Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 45.

<sup>17</sup> Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar SEJARAH KELANTAN*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2015, hlm. 32.

<sup>18</sup> Mengenai perang ini boleh rujuk Cyril Skinner, *The Civil War in Kelantan in 1839*, Singapore: The Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, 1965. Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, hlm. 89-113. Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar SEJARAH KELANTAN*, hlm. 32-35.

<sup>19</sup> Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar SEJARAH KELANTAN*, hlm. 41-42.

<sup>20</sup> Ibid., hlm. 44,

<sup>21</sup> Untuk keterangan lanjut adat penggantian kesultanan Selangor, rujuk Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Adat Penggantian Dalam Kesultanan Selangor, 1766-1938", Adnan Hj. Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (editor), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Muzium Sultan Alam Shah Selangor, 1992, hlm. 84-98.

<sup>22</sup> Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu, 1942-1945*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996, hlm. 55; 128. Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm. 202-203. Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang (Misbaha), Dato' Setia Jasa, *Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, hlm. 354. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Politik dan Pemerintahan: Tiga Abad Kesultanan Terengganu", hlm. 97-98.